

## APPENDIX III

### SEMINAR KEBANGSAAN

#### Tenagakerja Wanita: Penggerak Transformasi Ekonomi Negara

#### RESOLUSI

##### **Memahami Bahawa:**

- Malaysia adalah bumi tempat kita mengecapi kenikmatan
- Wanita adalah tunjang cita-cita dan harapan negara kita

##### **Mengakui Bahawa :**

- Landskap negara dan dunia sudah berubah dengan globalisasi dan kemajuan teknologi
- Kekuatan minda dan modal intelek wanita perlu dilonjakkan lagi
- Pengupayaan wanita diperlukan untuk menjayakan ekonomi baru
- Tanpa penglibatan wanita, model baru ekonomi tidak akan mencapai matlamatnya

##### **Menerima Bahawa :**

- Wanita merupakan aset penting bagi pembangunan negara
- Wanita telah menyumbang sebagai pemimpin dan penggerak negara sejak berdekad lagi
- Kemajuan dan pencapaian wanita masa kini sungguh mengagumkan
- Semangat wanita membara ke arah mentransformasi pemikiran untuk memacu pembangunan ekonomi negara
- Wanita bersedia menerima cabaran memperkasa diri melalui model baru ekonomi

## 6. MEMBINA INFRASTRUKTUR BERASASKAN PENGETAHUAN

Ilmu yang wujud di banyak institut latihan adalah kurang berinovasi untuk melengkapkan wanita dalam konteks NEM

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) belum diamalkan dengan meluas

### CADANGAN

- Perlu diwujudkan mekanisme untuk meningkatkan elemen inovasi di dalam setiap infrastruktur awam dan swasta
  - Perlu diadakan semakan terhadap program latihan institusi kerajaan supaya relevan dan nilai tambah
- 

## 7. MENINGKATKAN SUMBER PERTUMBUHAN

Dalam suasana ekonomi semasa, makna operasi *transfer of technology* perlu diperincikan.

Pihak kerajaan juga perlu memantau undang-undang berkaitan dengan industri.

### CADANGAN

- Memerincikan operasi *transfer of technology* selaras dengan keperluan industri
  - Menggunakan sumber tempatan lebih baik untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar Negara
  - Memantau undang-undang berkaitan dengan industri
- 

## 8. MEMASTIKAN KEBOLEHMAMPANAN PERTUMBUHAN

Kurangnya pengiktirafan terhadap peranan wanita dalam isu kelestarian

Dan tiada pemantauan berterusan isu gender dalam pelbagai sektor awam dan swasta

### CADANGAN

- Memberi pengiktirafan dan mekanisme terhadap *indigenous knowledge* sehingga ketahap mendapat pengiktirafan IP.
- Menggalakkan pemantauan melalui gender audit dan *gender budget* dalam semua kegiatan supaya terdapat peningkatan terhadap impak positif.

**Maka Seminar Kebangsaan “Mengoptimumpotensi Dan Keupayaan Wanita Dalam Model BaruEkonomi” Bersidang Pada 24 Julai 2010:**

**1. Menyeru Kaum Wanita Memperkasa Diri**

- Menerima amanah sebagai tiang dan tonggak kemajuan ekonomi Negara
- Inovatif, berani berdikari mencipta ruang dan peluang untuk meningkatkan keupayaan intelek, kemahiran untuk berdaya saing
- Fleksibel dan bijak mengurus masa dan membentuk jaringan

**2. Menyeru Kementerian Pendidikan Dan Kementerian Pengajian Tinggi Untuk Memperkasakan Wanita**

- Mewujudkan program pengajian yang meningkatkan kebolehan pasaran wanita
- Membekalkan kemahiran yang membolehkan wanita berdaya saing

**3. Menyeru Kementerian Kewangan Memperkasakan Wanita Dengan**

- Memantapkan lapan strategi dengan pelan tindakan yang realistik dengan persekitaran sesuai untuk wanita
- mengamalkan prinsip gender budgeting dalam semua program yang diimplementasikan

**4. Menyeru Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Menyediakan Pakej Transformasi Menyeluruh Untuk Mencapai Hasrat Dan Aspirasi Rakyat**

- Memperjuangkan usaha melabur dalam wanita dari segi kesihatan, kebajikan, peluang pendidikan penglibatan dalam ekonomi, pengurusan dan pentadbiran negara
- Mewujudkan sekitaran pekerjaan yang mengimbangi tanggungjawab keluarga, pekerjaan, dan kemasyarakatan.
- Mewujudkan peruntukan khusus dalam RMK10 bagi menyokong program MBE dengan KPI yang jelas